

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

Sejarah

Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan
- 2 Jawab **semua** soalan.

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak termasuk muka surat depan.

[Lihat sebelah

SULIT

Kehidupan bandar yang bermoral.
Semangat bekerjasama dan kekitaan.

- 1 Apakah perkara yang dijelaskan oleh Ibn Khaldun dengan menggunakan kedua-dua garis panduan di atas?
- A Tahap ketamadunan masyarakat
 - B Amalan kepercayaan animisme
 - C Raja bersifat ketuhanan
 - D tTinggalan monumen keagamaan

Sistem Kepercayaan X	Tamadun Mesir	Tamadun Hwang Ho
	Re Ra-Atum Amun	Shang-ti Tien

- 2 Apakah konsep yang menerangkan sistem kepercayaan X?
- A Dewa raja
 - B Teokrasi
 - C Politeisme
 - D Kosmos orde


Zaman Peningkatan Tamadun

Tapak Tamadun	Pemerintah	Sistem Perundangan
Tamadun Maurya	Maharaja Asoka	Dikri Asoka
Tamadun Chin	Maharaja Shi Huang Ti	Q

- 3 Antara berikut, yang manakah sesuai menggantikan Q?
- A Undang-Undang Mohisme
 - B Undang-Undang Papan Dua Belas
 - C Undang-Undang Manu
 - D Undang-Undang Legalisme
- 4 Tamadun Shang mencapai kemajuan pesat dalam sektor pertanian pada zaman peningkatan tamadun.
Antara amalan pertanian berikut, yang manakah diperkenalkan pada zaman Dinasti Shang?
- A Teknik membuat teres
 - B Sistem tanah rang
 - C Pemulihan tanah terbiar
 - D Teknologi membuat tenggala

Kuala Selinsing, Perak.
 Srivijaya, Palembang.
 Lembah Bujang, Kedah.

- 5 Senarai di atas merupakan kerajaan awal di Asia Tenggara yang berkembang maju dalam bidang perdagangan maritim.
 Apakah faktor yang mempengaruhi kemajuan tersebut?
- A kemahiran membuat peralatan logam
 - B bantuan daripada perawi raja
 - C pengetahuan membuat kapal layar
 - D penciptaan kapal berkuasa wap



- 6 Mengapakah perubahan di atas berlaku kepada kerajaan Funan?
- A kehadiran golongan pendeta Buddha
 - B kekayaan sumber bahan mentah
 - C kewibawaan pemerintahan Suryavarman II
 - D kemunculan pelabuhan Oc-Eo

Tapak Tamadun Islam	Kota Utama
Wilayah Hijaz	Makkah Madinah Taif

- 7 Keunikan wilayah Hijaz dari segi geografi menyebabkannya berbeza daripada tapak tamadun awal manusia.
 Apakah alasan yang menyokong pendapat di atas?
- A lembangan sungai yang terlindung
 - B muka buminya kering kontang
 - C kawasan delta yang subur
 - D tempat persinggahan pedagang asing

Peringkat Sulit	tiga belas tahun
Peringkat Terbuka	sepuluh tahun

- 8 Tempoh masa di atas merupakan kegiatan dakwah Islam yang dijalankan oleh Nabi Muhammad S.A.W. di kota Makkah.
 Keperibadian nabi dalam memikul tanggungjawab ini menerangkan sifat baginda sebagai:
- A tabliq
 - B siddiq
 - C amanah
 - D fatanah

Sejarawan Barat	Kenyataan
Golongan Orientalis	Perpindahan Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya ke Madinah ialah tindakan melarikan diri.

- 9 Apakah hujah yang patut digunakan untuk menyangkal pendapat di atas?
- A Jemputan daripada orang Arab Madinah
 - B Ancaman bunuh daripada pemuda Quraisy
 - C Persetujuan dalam Perjanjian Hudaibiyah
 - D Kemaraan tentera Abrahah dari Habsyah
- 10 Orang Arab Quraisy merancang tindakan untuk menyekat penyebaran agama Islam di kota Makkah.
Apakah punca yang mendorong orang Arab Quraisy bersikap sedemikian?
- A Hasutan daripada kerajaan Parsi
 - B Sikap ego pembesar Quraisy
 - C Perniagaan patung berhala terjejas
 - D Pemerintahan tradisional tergugat
- 11 Antara prinsip berikut, yang manakah merupakan peraturan yang diguna pakai dalam pelantikan khalifah?
- I musyawarah dalam kalangan umat Islam
 - II persetujuan daripada Jamiah Bait al-Rahman
 - III pengundian dibuat di khalayak umum
 - IV upacara angkat sumpah khalifah yang dilantik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Pelawat dikenakan pemeriksaan ketat untuk menjaga keselamatan khalifah.

- 12 Apakah sistem yang diwujudkan oleh kerajaan Bani Umayyah untuk mencapai matlamat di atas?
- A Sistem urus setia
 - B Sistem wazarah
 - C Sistem dinasti
 - D Sistem hijabah

Pembesar-pembesar istana dan seluruh rakyat jelata akan menerima agama Islam.

13 Kesan di atas adalah disebabkan:


- A kegiatan dakwah pendakwah bebas
- B penerimaan Islam oleh pihak pemerintah
- C peranan yang dimainkan Wali Songo
- D penulisan karya sastera Islam

14 Institusi ekonomi seperti baitulmal ditubuhkan oleh Sultan Iskandar Thani.

Apakah sumber kewangan baitulmal?

- I harta daripada zakat
- II sumber kekayaan alam
- III hasil kerahan tenaga
- IV cukai pendapatan individu

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV



Sistem Pentadbiran Melaka

15 Ketua pentadbir yang berkuasa di peringkat kampung ialah:

- A tok siak
- B penglipur lara
- C penghulu
- D tok mudin

Walaupun kerajaan Melayu Melaka mengenakan cukai kepada pedagang tetapi terdapat barangan tertentu diberikan pengecualian.

16 Barangan yang menikmati keistimewaan tersebut ialah:

- A barang perhiasan diri
- B hasil kraf tangan
- C hasil keluaran hutan

Mengkritik golongan protestan.
Mempertahankan kewibawaan gereja katolik.
Antigerakan pembaharuan agama.

17 Golongan yang mendukung perjuangan di atas lebih dikenali sebagai:

- A pembesar feudal
- B golongan humanisme
- C gerakan Luddite
- D counter Reformation

1833	Akta Kilang
1842	Akta Lombong

18 Apakah isu utama yang diberi pertimbangan oleh parlimen Britain untuk meluluskan kedua-dua akta di atas?

- A Kesesakan bandar industri
- B Kebajikan buruh kanak-kanak
- C Cukai pemilik kilang perusahaan
- D Penggunaan mesin dalam pengeluaran

Nama Ladang	Kangkar
Keluasan	2 5000 hingga 20 000
Bilangan Pengusaha	3 hingga 10 orang satu kawasan kecil

19 Apakah tanaman yang ditanam oleh pengusaha ladang dalam sistem pertanian tersebut?

- A Lada hitam
- B Getah perca
- C Kayu cendana
- D Ubi kayu

Tahun	Penguasaan Lombong Bijih Timah	
	Pemodal Eropah	Pemodal Cina
1910	22%	78%
1935	66%	34%
1937	68%	32%

20 Apakah punca yang mencetuskan perubahan ketara seperti dalam jadual di atas?

- A Pengenaln undang-undang buruh
- B Penghapusan sistem tiket kredit
- C Penguasaan teknologi moden
- D Kemasukan imigran dari luar

Gerakan dakyah telah gagal apabila Jose Rizal ditangkap dan dibuang oleh penjajah Sepanyol ke Dapitan di Mindanao.

- 21 Apakah kesan tindakan penjajah Sepanyol itu?
 A Gerakan nasionalisme menjadi sederhana
 B Rakyat Filipina melancarkan gerakan propaganda
 C Sepanyol melayan tuntutan golongan datu
 D Puak nasionalis radikal telah muncul

Gerakan Nasionalisme Thailand

Tahap	Isu yang dikemukakan
I	Raja Berperlembagaan
II	X

- 22 Apakah perkara yang mewakili isu X dalam jadual di atas?
 A Penguasaan ekonomi oleh kapitalis Barat
 B Kegiatan dakwah mubaligh Kristian
 C Kedaulatan negara yang terancam
 D Pengenalan sistem pendidikan Barat

Tokoh Pejuang	Kawasan Pengaruh
Linggir	Saribas
Libau	Hulu Skrang
Sharif Masahor	Sungai Rajang

- 23 Mengapakah tokoh-tokoh pejuang di atas melancarkan penentangan terhadap pentadbiran James Brooke?
 A Aktiviti meneroka tanah disekat
 B Daerah mereka ditakluki
 C Eksport antimoni dikenakan cukai
 D Kapitalis Barat membolot kekayaan

Tahun	Pertubuhan
1937	Persatuan Negeri Perak
1938	Persatuan Negeri Selangor
1938	Persatuan Negeri Pahang

- 24 Antara isu berikut, yang manakah kerap dijadikan perbincangan pemimpin-pemimpin pertubuhan di atas?
 A Warisan tamadun Melayu
 B Ancaman kader komunis
 C Perkhidmatan kerajaan
 D Undang-undang tubuh negeri

Provokasi Penipuan Ugutan Pemalsuan Dokumen
--

- 25 Apakah tujuan Otto Eduard Von Bismarck melakukan tindakan di atas?
- A Meluaskan pengaruh politik di Eropah
 - B Memulihkan semangat rakyat Jerman
 - C Mewujudkan negara Jerman yang bersatu
 - D Menyekat penyebaran fahaman Fasisme

Jawatan Q	Syarat-Syarat Pelantikan
	Calon ditentukan Jemaah Menteri
	Mendapat perkenan Sultan

- 26 Peruntukan dalam jadual di atas termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Johor. Apakah gelaran jawatan Q?
- A Pemangku Raja
 - B Naib Menteri Besar
 - C Yang Dipertua Majlis Negeri
 - D Datuk Betara Luar

P	Melaka empayar perkasa berpuncak daulat raja
Q	Hang Tuah terkenal handal pahlawan raja
R	Dalam sejarah Tun Seri Lanang berkisah
S	Lalu berulang sejarah dua zaman

- 27 Ayat-ayat dalam jadual di atas dipetik daripada Genta Purba. Baris yang mengesahkan Melaka sebagai sebuah negara bangsa ialah:
- A P
 - B Q
 - C R
 - D S

Lokasi	Jumlah Kehadiran
Kota Bharu	10 000
Kedah	50 000

- 28 Data dalam jadual di atas menunjukkan perhimpunan orang-orang Melayu dalam usaha mereka menentang Malayan Union. Apakah peruntukan dalam perlembagaan Malayan Union yang ditentang oleh orang-orang Melayu?
- A Pentadbiran dikuasai parlimen Britain
 - B Pengasingan wilayah Singapura
 - C Pelantikan Pesuruhjaya Negeri
 - D Pemberian kerakyatan jus soli

Lawatan Ahli-Ahli Parlimen Britain ke Tanah Melayu
L.D. Gammans
David Reese Williams

- 29 Apakah tindakan yang diambil oleh orang-orang Melayu untuk membantah Malayan Union semasa lawatan tersebut?
- A Menurunkan bendera separuh tiang
 - B Melanjutkan tempoh berkabung
 - C Mengadakan rapat umum
 - D Memfailkan petisyen di mahkamah

Peristiwa	Tokoh Yang Terlibat	Bentuk Hukuman
Perang Perak 1875	Dato' Maharaja Lela	X
Gerakan antipenyERAHAN 1946	Rosli Dhobi	

- 30 Hukuman bertanda X yang diputuskan oleh British adalah:
- A dihukum gantung
 - B dibuang negeri
 - C dilucutkan jawatan
 - D dikenakan denda

Keanggotaan	Keturunan	Bil
Pegawai Kanan	British	1
Penduduk Tanah Melayu	Melayu	3
	Cina	2
	India	1
	Jumlah	9

- 31 Jadual di atas menunjukkan satu bentuk amalan berkerajaan yang diperkenalkan oleh British mengikut model kerajaan Rhodesia Utara.
- Sistem kerajaan tersebut dikenali sebagai:
- A Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu
 - B Sistem Pembesar Empat Lipatan
 - C Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
 - D Sistem Ahli

Tahun	Peristiwa	Tokoh Terlibat
1952	Kerjasama antara UMNO Kuala Lumpur dengan MCA Selangor	Dato' Abdul Razak Yahya Ong Yoke Lin

- 32 Mengapakah pertemuan di atas diadakan?
- A Menetapkan wakil rombongan kemerdekaan
 - B Membincangkan pemberian kerakyatan
 - C Merangka perlembagaan Parti Perikatan
 - D Menghadapi pilihan raya Majlis Perbandaran

Tahun	Peristiwa	Keputusan	Kesan
April 1961	Pilihan Raya Hong Lim	Dimenangi Barisan Sosialis	Peluasan pengaruh berhaluan kiri

- 33 Apakah jalan penyelesaian yang diambil oleh kepimpinan Parti Tindakan Rakyat yang diketuai Lee Kuan Yew untuk menghadapi perkemangan di atas?
- A Menyertai Persekutuan Malaysia
 - B Mengekalkan penguasaan British
 - C Menyokong kerajaan Kalimantan Utara
 - D Menyekat aktivitis puak radikal

Wilayah	Pemimpin	Pendirian berhubung penubuhan Malaysia
Brunei	A.M. Azahari	Menentang rancangan Tunku Abdul Rahman untuk menubuhkan Malaysia.
Indonesia	Sukarno	

- 34 Apakah alasan yang digunakan oleh kedua-dua pemimpin di atas untuk menyokong pendirian mereka?
- A Penguasaan British akan diteruskan
 - B Mengundang campur tangan asing
 - C Era penjajahan baharu akan muncul
 - D Pengaruh komunis akan berkembang

Laporan Suruhanjaya Cobbold

Pendirian	Pendirian	Permintaan
'1/3	Setuju	Tanpa syarat.
'1/3	Setuju	Merdeka dahulu
'1/3	Setuju	Kepentingan rakyat Borneo dijaga

- 35 Jadual di atas menunjukkan reaksi rakyat Borneo berhubung Gagasan Malaysia. Apakah kesimpulan yang tepat berhubung laporan di atas?
- A Sokongan terhadap Gagasan Malaysia berbelah bahagi
 - B Rakyat Borneo menerima baik Gagasan Malaysia
 - C Seluruh rakyat Borneo bersetuju tanpa syarat
 - D Pendirian rakyat Borneo masih kurang jelas

Yang di-Pertuan Agong ialah ketua agama Islam negeri baginda sendiri dan beberapa buah negeri lain dalam Persekutuan Malaysia.

36 Negeri manakah yang tergolong sebagai beberapa buah negeri lain dalam petikan di atas?

- I Kelantan
- II Perlis
- III Wilayah Persekutuan
- IV Sarawak

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Pilihan raya kecil akan diadakan apabila berlaku kekosongan kerusi bagi sesuatu kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

37 Mengapakah berlaku keadaan sedemikian?

- A Penyandang sudah cukup umur untuk bersara
- B Perdana Menteri telah membubarkan parlimen
- C Wakil sedia ada telah dilucutkan jawatan
- D Permintaan daripada pengundi berdaftar

Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka
Pelancaran Bulan Bahasa
Penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan

38 Apakah tujuan kerajaan melaksanakan dasar-dasar di atas sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan nasional?

- A Memupuk perpaduan antara kaum
- B Melahirkan generasi yang berketerampilan
- C Membolehkan rakyat mahir berkomunikasi
- D Menghadapi era k-ekonomi

Perang Dingin	
Negara Dunia Pertama	Amerika dan Eropah Barat
Negara Dunia Kedua	Rusia dan negara sosialis

- 39 Apakah bentuk dasar luar yang diamalkan oleh Negara Dunia Ketiga seperti Malaysia dalam menghadapi konflik Perang Dingin?
- A Berbaik-baik dengan semua negara
 - B Memilih salah satu pihak sebagai sekutu
 - C Mohon keanggotaan dalam SEATO
 - D Membataskan hubungan dengan sekutu Rusia

Malaysia tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan negara Israel.

- 40 Apakah faktor yang menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar di atas?
- A Majoriti penduduk Malaysia beragama Islam
 - B Dasar aperteid yang mendiskriminasikan kaum
 - C Keanggotaan Malaysia dalam Komanwel
 - D Penderitaan yang ditanggung rakyat Palestine